



Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



UNTUK SIARAN SEGERA

7 MEI 2015

KENYATAAN MEDIA

YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

**“Isu Pelajar tajaan Majlis Amanah Rakyat (Mara),
Nur Fitri Azmeer Nordin”**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melahirkan rasa terkilan dengan apa yang telah dilakukan oleh pelajar tersebut kerana telah melakukan perkara yang tidak sepatutnya sehingga mencemarkan nama baik Negara.

Kementerian memandang serius dan mengutuk sekeras-kerasnya perbuatan keji yang telah dilakukan oleh pelajar tersebut. Melalui biasiswa yang telah diberikan oleh Kerajaan, pelajar tersebut sepatutnya mengambil peluang untuk belajar bersungguh-sungguh sehingga menjadi pelajar yang lebih cemerlang dan sekaligus dapat mengharumkan nama baik Negara.

Kementerian menyarankan agar ibu bapa lebih prihatin terhadap sebarang aktiviti berkaitan dengan dunia siber (internet) yang dilakukan oleh anak-anak mereka. Laman-laman web yang dilawati oleh anak-anak ini perlu dipantau dengan lebih kerap agar ianya bersesuaian dengan peringkat umur mereka. Ibu bapa digalakkan untuk memasang peranti (software) yang bersesuaian untuk menghalang anak-anak daripada melayari laman sesawang yang tidak sepatutnya. Kementerian juga ingin mengingatkan ibu bapa supaya menasihati anak-anak agar tidak mendedahkan identiti dan gambar-gambar yang tidak sepatutnya kepada rakan siber yang tidak dikenali.

YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM